

ikhlas, kepada pekebun-pekebun kecil. Dalam menjalankan tugas dan peranan pentingnya, RISDA hendaklah mendekatkan diri bagi mendapatkan kerjasama dan khidmat kemahiran, dengan Jabatan-jabatan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan yang lain, seperti Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MARDEC), Pusat Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM), Lembaga Pemasaran dan Pelesenan Getah (MRELB), Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia (MRRDB), Jabatan-jabatan Pertanian, Perikanan dan Haiwan, dan juga MARDI.